

## **UCAPAN PERDANA MENTERI MENGENAI PERTIKAIAN MAS-AEU MENERUSI RADIO & TELEVISYEN MALAYSIA PADA 15HB. FEBRUARI, 1979.**

Kerajaan telah menegaskan, bahawa ia tidak boleh dan tidak akan bertolak ansur di atas pendiriannya terhadap tindakan haram yang telah dilakukan oleh AEU dalam pertikaianya dengan MAS. Tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan bertujuan mewujudkan keadaan bagi membolehkan kedua-dua belah pihak yang terlibat menyambung semula rundingan mereka. Tindakan haram oleh AEU ini, telahpun menjejaskan ekonomi negara serta menjejaskan imej tanahair kita. Ia juga telah mengakibatkan kesusahan dan kesulitan di kalangan rakyat. Bertambah pula, kapalterbang-kapalterbang MAS telah diganggu tanpa menghiraukan keselamatan penumpang-penumpang. Ini tidak boleh dimaafkan.

Percubaan dibuat bagi memaksa Kerajaan supaya tunduk kepada tindakan haram ini dan tunduk kepada perbuatan yang tidak bertanggungjawab oleh AEU. Sekarang ini pula, sebuah pertubuhan luar negeri telah melibatkan dirinya mengugut Kerajaan. Pertubuhan ini----- 'International Transport Workers Federation' melalui wakil Asianya, Donald Uren dan Johann Hoff, Penolong Setiausaha Agungnya telah menghasut ahli-ahli AEU supaya meneruskan tindakan haram mereka itu. Johann Hoff telah dibenarkan melawat negara ini dengan menggunakan pas pelancung selama dua minggu. Ia telah melibatkan dirinya dalam pertikaian di antara AEU dengan MAS. Dengan ini ia telah mengganggu hal-ehwal dalam negeri kita.

Kerajaan hendak menegaskan di sini bahawa ia tidak akan membiarkan mana-mana pertubuhan luar negeri mengganggu hal-ehwal dalam negeri ini, sebagaimana Kerajaan tidak membenarkan mana-mana Kerajaan negara asing campur tangan dalam hal-ehwal negara Malaysia.

Kerajaan Malaysia tidak boleh membiarkan sesiapa jua melanggar undang-undang negara ini dan memberi amaran kepada International Transport Workers Federation serta wakil-wakilnya supaya memberhentikan dengan serta-merta sebarang gangguan dalam hal-ehwal negara Malaysia. Kerajaan Malaysia akan mengambil tindak-balas sepenuhnya sebarang tindakan antarabangsa oleh ITWF yang menjejaskan ekonomi, kebajikan dan imej negara ini.

Keadaan yang berbangkit dari tindakan haram oleh AEU, sudah cukup buruk. Lain-lain Kesatuan Pekerja, di atas apa alasan sekalipun,

janganlah mempergunakan atau pun mengambil sebarang tindakan yang boleh memburukkan lagi keadaan ini. Sebarang percubaan oleh mana-mana Kesatuan Pekerja yang lain untuk bertindak sedemikian, akan ditentang oleh Kerajaan dengan tindakan yang tegas. Kerajaan akan menunaikan tanggungjawabnya kepada rakyat dan negara. Saya merayu kepada seluruh rakyat terutama sekali kepada ahli-ahli Kesatuan Pekerja supaya bekerjasama dengan Kerajaan. Walaubagaimana pun janganlah hendaknya menganggapkan rayuan ini sebagai kelemahan Kerajaan.